

Percaya Terhadap Pasangan: Definisi Menurut Pendekatan *Interpretative Phenomenological Analysis* (IPA)

**Surianti Lajuma
Chua Bee Seok
Agnes Sombuling
Ferlis Bullare@Bahari**

Universiti Malaysia Sabah

Konsep percaya merupakan satu istilah yang merujuk kepada perspektif sosio-budaya yang dikaitkan dengan satu konsep perhubungan yang membekalkan keselamatan, harmoni, dan kebajikan terhadap individu, pasangan, ahli keluarga dan komuniti secara keseluruhannya. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti definisi percaya terhadap pasangan yang mana ianya berfokus kepada perhubungan dalam perkahwinan. Kajian ini melibatkan seramai 17 orang subjek lelaki dan perempuan yang telah berkahwin bagi tempoh kurang daripada 10 tahun. Rekabentuk kajian ini adalah menggunakan metod Interpretative Phenomenological Analysis (IPA) yang membolehkan penyelidik untuk mengkaji pengalaman sebenar subjek kajian berkaitan isu yang dikaji. Penyelidik telah menjalankan sesi temubual secara mendalam kepada semua subjek kajian bagi mendapatkan data. Analisis data dijalankan mengikut metod IPA daripada Smith, Flowers, & Larkin (2010). Keputusan kajian telah menghasilkan lima (5) tema berkaitan dengan definisi percaya terhadap pasangan dalam perhubungan iaitu 1) Kebebasan, 2) Keyakinan, 3) Harapan 4) Komunikasi dan 5) Ikatan Sosial. Limitasi kajian serta cadangan untuk kajian akan datang turut dinyatakan.

Kata kunci: Percaya, Pasangan, Hubungan, Interpretative Phenomenological Analysis (IPA)

SAPJ Code: 1010

Pendahuluan

Istilah percaya tidak wujud secara individu tetapi ianya wujud dalam perhubungan seseorang individu dengan individu lain. Pada dasarnya, konsep percaya bermula dengan individu yang paling dekat dengan kita seperti ahli keluarga dan pasangan hidup. Ia seterusnya terbentuk dalam komuniti apabila seseorang individu mula berinteraksi dengan orang di sekitarnya. Konsep ini penting bagi memastikan perhubungan interpersonal berfungsi dengan baik dan boleh mewujudkan kerjasama. Kenyataan ini diakui oleh McKnight, Cummings, & Chervany (1998) yang menyatakan bahawa sikap percaya dapat menggerakkan tindakan kerjasama antara insan. Para penyelidik lain berpendapat bahawa kepercayaan yang tinggi boleh membawa kepada peningkatan tahap komitmen dan keupayaan untuk bergantung kepada orang lain (Wieselquist, Rusbult, Foster, & Agnew, 1999).

Percaya dikonsepsikan secara tepat sebagai satu proses dalam perhubungan yang khusus (Holmes & Rempel, 1989), seperti persepsi kebolehpercayaan yang memberikan maklumat penting untuk menilai masa depan dalam perhubungan (Rusbult, Caryl, Wieselquist, Jennifer, Foster, Craig, Agnew, & Christopher 1999). Percaya interpersonal adalah sesuatu yang menjadi pilihan seseorang individu untuk perlindungan dirinya (Murray, Pinkus, Holmes, Harris, Gomillion, & Aloni, 2011). Kekurangan percaya interpersonal dikaitkan dengan turun naik yang lebih besar dalam kualiti perhubungan (Campbell, Simpson, Boldry, & Rubin, 2010; Holmes &

Rempel, 1989) kerana ianya boleh menjejaskan pembangunan motivasi dalam sesuatu perhubungan (Simpson, 2007).

Percaya terhadap pasangan adalah perkara penting dalam memastikan sesuatu perhubungan itu berfungsi dengan baik (Simpson, 2007). Larzelere & Huston (1980) mentakrifkan percaya sebagai kepercayaan seseorang terhadap integriti individu lain. Percaya juga mendorong seseorang untuk berkelakuan secara positif terhadap pasangan mereka (Rempel, Holmes, & Zanna, 1985). Sebagai contoh, Campbell et al. (2010) mendapati bahawa dalam konflik dengan pasangan, seseorang yang mempercayai pasangan akan menunjukkan tingkah laku yang membina (contohnya, mendengar idea pasangan), berbanding tingkah laku yang merosakkan (contohnya, menyalahkan pasangan). Baru-baru ini, Shallcross, Sandra, & Simpson (2012) menunjukkan bahawa, berbanding dengan tidak mempercayai, mempercayai seseorang lebih cenderung untuk memenuhi permintaan pasangan untuk berkorban. Penemuan ini menunjukkan bahawa mempercayai seseorang melibatkan tingkah laku perhubungan yang membina walaupun tingkah laku ini bertentangan dengan keinginan mereka sendiri iaitu mengutamakan keinginan pasangan dan perhubungan.

Percaya amat penting dalam mana-mana perhubungan yang rapat. Saling memberi dan menerima dilihat perlu dalam dialog bagi menyelesaikan konflik dan keadaan serta peristiwa negatif yang timbul antara pasangan sememangnya memerlukan percaya (Boszormenyi-Nagy & Krasner, 1986). Perhubungan dan kerjasama yang wujud hasil daripada percaya adalah sangat penting terutamanya dalam hubungan antara pasangan. Pasangan yang mempunyai percaya tahap tinggi menyatakan simbol positif ke arah satu sama lain dalam perhubungan mereka manakala pasangan yang mempunyai percaya tahap sederhana mempamerkan simbol yang kelihatan lebih negatif terhadap pasangan dan perhubungan mereka (Rempel, Ross, & Holmes, 2001; Johnson & Talitman, 1997). Maka, konsep ini adalah sangat penting untuk diberi perhatian dalam sesebuah perhubungan dan sangat wajar diberi perhatian untuk dikaji terutamanya keatas pasangan berkahwin.

Permasalahan Kajian

Secara umum, percaya adalah ramuan penting untuk interaksi sosial (Fukuyama, 1996; Cook, 2001; Keyton & Smith, 2009). Walau bagaimanapun, sama seperti hubungan yang sentiasa berubah mengikut masa, maka begitu juga dengan percaya. Secara ringkasnya, situasi sosial, hubungan, dan sikap memberi kesan kepada tahap kepercayaan. Tidak kira berapa banyak masa yang diperlukan untuk membina kepercayaan, ia kekal sebagai satu konsep yang rapuh dan boleh hilang dengan hanya sekali pengkhianatan atau pelanggaran (Lewicki & Bunker, 1995). Percaya bersifat turun naik mengikut perubahan dalam perhubungan (Birney & Smith, 2005). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa teori dan model yang terdapat dalam kajian lepas yang menyediakan asas bagi kajian konsep percaya ini.

Konsep percaya merupakan satu keyakinan bahawa seseorang akan mencari apa yang diinginkan daripada orang lain dan bukan apa yang ditakuti (Deutsch, 1973). Percaya melibatkan harapan dan aspirasi yang saling bertindih dengan kebimbangan dan ketakutan yang mendalam. Ia mungkin bahan yang paling penting untuk pembangunan dan penyelenggaraan bagi emosi gembira dan hubungan yang berfungsi dengan baik. Beberapa teori utama, termasuk Teori Perapatan (Bowlby, 1969) dan Teori Erikson (1963) mengenai pembangunan psikososial, yang dibina di atas kenyataan bahawa tahap kepercayaan yang lebih tinggi dalam hubungan awal dalam kehidupan meletakkan asas psikologi untuk lebih bahagia dan fungsi lebih baik pada perhubungan di peringkat dewasa. Tooby dan Cosmides (1996) mendakwa bahawa mekanisme pelepasan dan pengesanan berkenaan percaya sepatutnya berkembang pada manusia, memandangkan kepentingan mengukur dengan tepat niat orang lain.

Sangat mudah bagi kita membicarakan isu konsep percaya dalam kehidupan seharian, namun tanpa kita sedari, secara umumnya belum ada definisi yang diterima sebagai tepat dalam kalangan penyelidik pada masa kini berkaitan dengan konsep percaya. Istilah 'Percaya' digunakan untuk merujuk kepada perkara yang berbeza dari sudut pandang penyelidik yang juga berbeza. Natiujahnya, timbulnya pelbagai bentuk definisi percaya dalam kajian terdahulu yang hanya sesuai dalam situasi tertentu dan bertumpu kepada agenda kajian mereka sahaja (Bigley & Pearce, 1998; Hosmer, 1995; Rousseau, Sitkin, Burt, & Camerer (1998). Walaupun kewujudan definisi percaya sering bertindih pada kepelbagaian konstruk (Hosmer, 1995; Rousseau *et al.*, 1998), namun masih tidak terdapat kandungan maklumat yang diperlukan bagi mentakrifkan percaya merentasi semua situasi (Bigley & Pearce, 1998). Kekurangan penyatuan dan definisi yang lengkap tentang konsep percaya menimbulkan kekeliruan tentang apakah yang dimaksudkan oleh seseorang apabila dia menyatakan bahawa 'saya percaya pada dia'.

Asal-usul dan Perkembangan Percaya Sebagai Satu Konsep

Dari segi sejarah, percaya dikatakan telah wujud disebabkan oleh keyakinan seseorang kepada Tuhan. Selain itu, ianya juga dikenalpasti sebagai satu tindakan akal, sebagai sikap dalaman, dan sebagai satu proses psikologi dan pengalaman interpersonal. Dari tahun 1920-an hingga 1950, konsep percaya berkembang daripada konsep hubungan yang berorientasikan agama semata seperti hubungan dengan Tuhan kepada pengalaman di antara sesama manusia. Sementara itu, ramai sarjana yang terlibat dalam bidang agama turut menyumbang kepada proses evolusi dan peralihan ini, dan mereka merupakan golongan yang paling jelas dalam menunjukkan peralihan daripada keimanan kepada Tuhan semata kepada istilah mempercayai yang lebih luas.

Merujuk kepada pengalaman manusia, sejarah juga turut mencatat dua pandangan fundamental yang pelbagai mengenai dengan sifat percaya dalam perhubungan: satu dari sudut pandang agama dan satu lagi dari sudut pandang sekular. Pada mulanya, percaya dilihat sebagai satu tindakan hasil daripada keimanan, yang diperolehi dalam perhubungan hati dengan Tuhan semata-mata. Berikutan perdebatan selama berdekad dalam komuniti yang beragama ini, hubungan cinta dan iman dengan Tuhan dilihat sebagai unjuran bagi percaya itu diperolehi dalam pengalaman lepas dengan ibu bapa.

Oleh yang demikian, asal-usul atau lokasi bagi sikap percaya dalam diri individu telah menjadi perhatian utama. Pada masa ini, penyelidikan telah mengguna pakai pendekatan sekular dan memilih untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada interaksi manusia kepada manusia. Golongan akademik secara umumnya turut bersetuju bahawa percaya dibangunkan melalui pengalaman manusia. Rotter (1967) menyatakan "Salah satu faktor yang paling penting dalam keberkesanan organisasi sosial yang kompleks sekarang adalah kesanggupan seseorang individu atau lebih dalam satu unit sosial untuk mempercayai orang lain". Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada perbezaan personaliti atau ciri peribadi individu, para penyelidik harus mengenal pasti dengan pelbagai kuasa sosial yang memberi kesan kepada pembangunan sikap percaya dalam perhubungan.

Tujuan Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk cuba mengisi kekurangan dalam kajian terdahulu yang berkaitan dengan konsep percaya terhadap pasangan. Kajian ini akan cuba untuk menentukan definisi bagi percaya terhadap pasangan tetapi juga membentuk tema bagi konsep percaya terhadap pasangan ke dalam komponen sebagai salah satu cara untuk memahami aspek percaya terhadap pasangan. Matlamat kajian ini adalah untuk memahami

konstruk psikologi yang mendasari konsep percaya terhadap pasangan dan menambah pengetahuan tentang konsep percaya terhadap pasangan.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam pengumpulan dan analisis data. Method yang digunakan dalam kajian ini adalah *Interpretative Phenomenological Analysis* (IPA). Method ini digunakan adalah untuk meneroka personal individu secara terperinci dan juga pengalaman hidup mereka. Selain itu, IPA juga dapat mengenalpasti bagaimana individu memberi erti terhadap personal dan persekitarannya. Penggunaan utama bagi kajian IPA adalah memberi makna bagi pengalaman dan peristiwa yang dialami oleh seseorang individu.

Sampel

Persampelan yang digunakan dalam kajian ini secara teoritikalnya adalah konsisten dengan paradigma pendekatan kualitatif secara umum dan mengikut orientasi IPA secara khusus. Ini bermakna, sampel yang dipilih sebagai subjek dalam kajian ini adalah secara persampelan bertujuan (Creswell, 2007) kerana ianya boleh memberikan dapatan kajian pandangan yang lebih mendalam tentang pengalaman yang khusus (Smith, Flowers, & Larkin, 2010) sesuai dengan tujuan kajian yang telah digariskan. Subjek kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai 17 orang yang telah berkahwin dalam tempoh kurang 10 tahun.

Pengumpulan Data

Dalam kajian IPA, tujuan utama adalah untuk membentuk satu cara pengumpulan data yang dapat memberikan cerita, fikiran, dan perasaan berdasarkan pengalaman subjek yang terperinci dan ianya merupakan satu penilaian yang subjektif. Maka, teknik temubual semi-struktur dan satu kepada satu menjadi pilihan dalam pengumpulan data (Smith, Flowers, & Larkin (2010) dalam kajian ini. Penyelidik telah menjalankan seisi temubual kepada subjek kajian bagi memudahkan penerokaan cerita, fikiran, dan perasaan tentang fenomena yang dikaji. Ianya juga sejajar dengan konsep fokus pada pengalaman seseorang yang merupakan bentuk optimum dalam kajian IPA.

Analisis Data

Dalam kes IPA, fokus dan perhatian analisis terarah kepada percubaan untuk memahami kisah pengalaman subjek kajian. Analisis IPA boleh dijalankan melalui 1) satu set proses biasa (bergerak daripada perkara umum kepada perkara yang spesifik dan daripada deskriptif kepada interpretatif) dan 2) berprinsip (komitmen untuk memahami pandangan subjek kajian dan fokus psikologikal terhadap personal dalam membuat makna konteks tertentu) yang mana boleh diaplikasikan secara fleksibel, berpandukan kepada proses analisis (Smith, Flowers & Larkin, 2010). Penyelidik bermula dengan gambaran proses analisis bagi kes tunggal maka hanya empat langkah dalam proses analisis data yang digunakan:

Langkah 1: Baca dan baca semula - Pengulangan pembacaan memperlihatkan maksud sebenar daripada keseluruhan struktur transkrip yang dibina dan membenarkan penyelidik untuk meningkatkan kefahaman tentang bagaimana kisah pengalaman subjek kajian.

Langkah 2: Catatan awal - Penyelidik perlu pastikan wujud persamaan antara catatan yang dibuat dengan transkrip dan ianya merupakan permulaan untuk mengenalpasti cara yang spesifik berkaitan apa yang diberikan oleh subjek kajian dengan cara memahami dan berfikir tentang isu tersebut.

Langkah3: Pembinaan tema baru - Tugas utama dalam mengubah nota menjadi tema melibatkan usaha untuk menghasilkan satu kenyataan ringkas dan bernas daripada apa yang penting dalam kepelbagaian ulasan yang terdapat pada transkrip. Tema biasanya dinyatakan sebagai frasa yang menunjukkan inti pati psikologi dan cukup abstrak untuk dikonsepsikan.

Langkah 4: Mencari perkaitan antara tema yang wujud - Langkah seterusnya adalah melibatkan pembinaan carta atau pemetaan dengan meletakkan tema yang sepadan bersama-sama mengikut pandangan penyelidik. Tahap analisis ini tidak bersifat preskriptif dan penyelidik digalakkan untuk meneroka dan membuat inovasi sepanjang menjalankan analisis.

Hasil Kajian

Keputusan kajian ini telah membentuk lima (5) tema berkaitan dengan definisi bagi percaya terhadap pasangan. Tema yang terbentuk adalah hasil gabungan daripada analisis data mentah daripada semua subjek kajian iaitu 1) Kebebasan, 2) Keyakinan, 3) Harapan 4) Komunikasi dan 5) Ikatan Sosial. Jadual 1 menunjukkan tema yang terbentuk berserta dengan sumbernya.

Jadual 1: Tema dan sumber bagi percaya terhadap pasangan

Tema	Sumber
Kebebasan	<i>Memberikan ruang kepada pasangan untuk bersosial dengan orang lain, memberikan pasangan perasaan yang selesa dan selamat tanpa adanya sekatan dan sentiasa mengambil tahu setiap pergerakan atau perkara yang dilakukan oleh pasangan</i>
Keyakinan	<i>Memberikan sepenuh keyakinan terhadap pasangan dalam melakukan sesuatu perkara, kemampuan pasangan untuk sama-sama berusaha menjaga perhubungan, memenuhi setiap amanah dan tanggungjawab yang diberikan dan tidak mempunyai sebarang perasaan negatif terhadap pasangan</i>
Harapan	<i>Boleh meletakkan harapan atau kebergantungan kepada pasangan merangkumi aspek pelaksanaan peranan dan tanggungjawab.</i>
Komunikasi	<i>Cara penyampaian dua hala antara pasangan dan dikaitkan dengan komunikasi yang dilakukan secara tertutup tanpa melibatkan orang lain.</i>
Ikatan Sosial	<i>Medium yang menyatukan antara dua pihak dalam perhubungan dan merupakan salah satu rukun dalam hubungan perkahwinan.</i>

Tema kebebasan atau tidak terikat yang terhasil dalam kajian ini menggambarkan bahawa konsep percaya terhadap pasangan adalah dengan memberikan ruang kepada pasangan untuk bersosial dengan orang lain tanpa ada perasaan curiga. Disamping itu, adalah penting untuk memberikan pasangan perasaan yang selesa dan selamat dalam menjalani kehidupan hariannya tanpa adanya sekatan yang pasti akan mengganggu emosi pasangan dan akhir sekali adalah tidak sentiasa mengambil tahu setiap pergerakan atau perkara yang dilakukan oleh pasangan sebagai alasan untuk mempercayainya.

"Ya. Kalau ikut saya, saya bagi dia kebebasan la sebenarnya dan saya percaya juga, kalau saya bagi kebebasan pun, bagi saya kan, dia tidak juga yang.... sebab sudah ada anak kan. Jadi dia tidak akan terlalu bebas la. I mean nak keluar jumpa kawan."(R4L)

"Jadi kalau kita percaya dengan pasangan kita kan, pasangan kita mau buat apa pun dia rasa macam free dan rasa selamat. Itu yang macam dia boleh inilah, dia boleh enjoy dia punya life kan."(R10P)

"Percaya? Aaa, percaya bukan terikat dengan sesuatu, sebagai contoh, percaya pasangan. Tidak sepatutnya kita menelefon dia 24 jam untuk mengetahui dimana dia berada."(R1P)

Tema keyakinan yang terhasil dalam kajian ini menunjukkan responden kajian menyatakan konsep percaya terhadap pasangan adalah dengan memberikan sepenuh keyakinan terhadap pasangan dalam melakukan sesuatu perkara tanpa adanya perasaan syak wasangka. Keyakinan yang diberikan adalah meliputi kemampuan pasangan untuk sama-sama berusaha menjaga perhubungan yang telah dibina serta komitmen yang ditunjukkan oleh pasangan dalam memenuhi setiap amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepadanya walaupun tanpa pengawasan. Selain itu, keyakinan yang diberikan juga sinonim dengan istilah tidak mempunyai sebarang perasaan negatif terhadap pasangan seperti perasaan sangsi, ragu-ragu atau buruk sangka.

"Percaya tu kepercayaan kitalah kepada pasangan. Maksud aku, percaya antara satu sama lainlah. Ya, yakin. Kita yakin dengan psangan kita."(R17P)

"Pertama berhubung tu kan, bertanya. Lepas tu letakkanlah bulat-bulat keyakinan tu. Ertinya walaupun dia saya tidak hubungi, tapi saya yakin dengan dia juga. Dari segi penjagaan anak, dari segi penjagaan saya punya anu, barangkah apakah di sana."(R14L)

"Percaya itu maksudnya... Aaa, tidak sangsi terhadap pasangan dan kita tahu dia boleh melakukan secara independent."(RL4)

Dapatan kajian ini juga menunjukkan definisi yang diberikan oleh responden kajian bagi percaya terhadap pasangan ialah apabila seseorang boleh meletakkan harapan atau kebergantungan kepada pasangannya. Harapan atau kebergantungan ini merangkumi aspek pelaksanaan peranan dan tanggungjawab terhadap pasangan masing-masing. Selain itu, responden kajian turut menyatakan harapan yang diletakkan terhadap pasangan juga menjadi asas untuk mengecapi kebahagiaan dalam perkahwinan yang telah dibina.

"Percaya? Bagi saya percaya tu bila kita meletakkan satu harapan dan kita membiarkan harapan tu dengan orang tanpa kita rujuk ataupun syak apa-apa and then kita berikan sepenuh kita punya kepercayaan kepada orang itu."(R3L)

"Jadi masing-masing punya percaya ni jadi satu peranan. Contohnya macam kalau aku di rumah, dia minta aku buat macam ni, jaga kucing dia ka, apa kan, jadi aku jaga la kucing tu sampai la dia start kerja pukul 8 sampai pukul 5, kucingnya dalam keadaan baik, sihat walafiat. Jadi, di sana peranannya, satu yang bahawa apa yang dia minta tolong itu, dia boleh trust dengan aku. Kalau dia minta tolong macam sekarang ni dia mengandung kan, bersihkan rumah, bantu itu ini, buat apa saja yang dia minta la dan aku buat dengan 100% la."(R6L)

Komunikasi yang menjadi tema bagi definisi percaya terhadap pasangan yang terhasil dalam kajian ini dinyatakan oleh responden sebagai cara penyampaian dua hala antara pasangan suami isteri. Selain itu, tema komunikasi ini juga dikaitkan dengan komunikasi yang dilakukan secara tertutup tanpa melibatkan orang lain sama ada ahli keluarga ataupun rakan-rakannya. Dengan ini akan dapat menjaga kerahsiahan dalam perhubungan sekaligus menjamin kualiti hubungan antara pasangan.

"Jadi berdasarkan apa yang saya cerita tadi tu, macam dia tu tak ni lah, dia tanya saya dulu. Macam dia percaya saya dulu."(R2P)

"Macam kalau kita percaya dia, kalau kita bagi tahu cerita kan, kalau kita percaya kita rasa macam selamatlah. Dia tak akan bagi tahu orang. Macam tu."(R5P)

Tema terakhir yang dapat dihasilkan bagi definisi percaya terhadap pasangan dalam kajian ini ialah ikatan sosial. Responden kajian menyatakan ikatan sosial sebagai medium yang menyatukan antara dua pihak pasangan suami dan isteri. Dengan kata lain, sesuatu perhubungan itu terutamanya perhubungan perkahwinan tidak mungkin dapat dimulakan, diteruskan atau dikekalkan kerana ikatan perkahwinan yang berasaskan kepercayaan antara pasangan suami isteri merupakan salah satu rukun dalam hubungan perkahwinan.

"Percaya? Percaya tu satu ikatan yang kita tidak nampak tapi kita tau dia wujud. Macam mana tu?"(R1P)

"Buat apa kita hidup sama-sama kalau...sebab percaya tu dia bawa kita pergi satu jalan. Kalau tak percaya, itu yang bercerai, begitu. Jadi itulah. Sebab memang kita kena percayalah."(R5P)

Perbincangan

Apabila seseorang mengutamakan kepentingan terbaik untuk pasangannya berbanding diri sendiri maka kedua-dua pihak akan mengalami tahap percaya yang maksimum. Percaya juga dijangka akan menjadi lebih tinggi dalam perhubungan apabila (a) kedua-dua individu mempunyai minat yang sama dengan pasangan atau perhubungan mereka, atau (b) kedua-dua individu percaya bahawa pasangan mereka akan bertindak atas apa yang terbaik untuk perhubungan mereka walaupun ianya dilihat bercanggah dengan kepentingan diri sendiri. Kenyataan ini sejajar dengan dapatan kajian ini dimana percaya didefinisikan sebagai memberikan kebebasan kepada pasangan dalam menjalankan kehidupan dan aktiviti hariannya bagi memastikan pasangan selesa dan berasa selamat dalam perhubungan.

Kajian daripada Holmes (1991) selaras dengan dapatan kajian ini dengan menegaskan bahawa memandangkan percaya adalah bersifat semula jadi maka rasa keyakinan atau kedekatan psikologikal mengenai perapatan pasangan adalah tidak sepenuhnya berdasarkan bukti yang ada. Walaupun begitu, Rempel *et al.* (1985) membuat spekulasi bahawa pada satu ketika, kebanyakan orang perlu menetapkan untuk mengetepikan keraguan mereka dan bertindak seolah-olah rasa selamat adalah wajar. Langkah sedemikian memerlukan "lonjakan keyakinan" dalam menghadapi bukti yang tidak boleh dipertikaikan. Oleh itu percaya menjadi pencetus emosi terhadap kedekatan (Rempel *et al.*, 1985). Keyakinan adalah satu aspek percaya yang ada pada konstruk peribadi (Holmes, 1991).

Seterusnya adalah kajian daripada Frost, Stimpson & Maughan (1978) yang telah mendefinisikan percaya sebagai "...suatu jangkaan yang dipegang oleh seseorang individu bahawa tingkah laku orang lain atau kumpulan adalah altruistik dan memberi faedah secara peribadi" dan definisi ini dilihat hampir sama dengan definisi operasi yang telah dinyatakan oleh Rotter (1967) dan juga sama dengan tema meletakkan harapan yang telah dihasilkan dalam kajian ini. Definisi sedia ada sering digunakan sebagai pengganti untuk definisi percaya yang lebih khusus (Worchel, 1979).

Percaya boleh menjadi faktor penting yang mempengaruhi bagaimana pasangan menyatakan makna kepada peristiwa yang mereka alami dalam perhubungan mereka (Rempel, Ross & Holmes, 2001). Kajian lain daripada Rempel, Ross dan Holmes (2001) yang mengkaji kenyataan atribusi bahawa pasangan yang berkomunikasi antara satu sama lain merupakan salah satu daripada fungsi percaya. Mereka mendapati bahawa jika tiada kebimbangan yang wujud mengenai kejujuran pasangan mereka, maka tidak mungkin ungkapan lisan yang positif akan menyebabkan seseorang mengurangkan kepercayaan mereka. Walau bagaimanapun, pasangan yang mempunyai percaya yang rendah seolah-olah telah melepaskan diri untuk mempercayai bahawa perjuangan mereka untuk mencari penyelesaian kepada masalah semasa adalah memerlukan pelaburan emosi yang tinggi.

Percaya dalam perhubungan adalah sebahagian daripada kepercayaan kita terhadap seseorang. Walau bagaimanapun, lebih penting lagi adalah mengenai berapa ramai orang yang percaya pada diri mereka sendiri. Kepercayaan kita mempengaruhi perasaan dan membimbing tindak balas kita terhadap situasi yang seterusnya mempengaruhi tahap kepuasan yang kita rasa terhadap kehidupan dan perhubungan kita dengan orang lain (Cobb, Larson & Watson 2003). Ianya telah menunjukkan bahawa wujud perkaitan antara kepercayaan dalam perhubungan dengan kualiti dalam perhubungan dalam membina ikatan sosial antara satu sama lain.

Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada definisi bagi percaya terhadap pasangan dengan menggunakan metod *Interpretative Phenomenological Analysis* (IPA) untuk meneroka personal individu secara detail dan juga pengalaman hidup mereka. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati lima (5) tema yang terbentuk daripada analisis data kualitatif 1) Kebebasan, 2) Keyakinan, 3) Harapan 4) Komunikasi dan 5) Ikatan Sosial.

Memandangkan kajian ini tertumpu kepada definisi bagi percaya terhadap pasangan, maka untuk kajian seterusnya, penyelidik akan cuba mengembangkan pembolehubah berkaitan seperti faktor, kesan atau cara mendapatkan kepercayaan daripada pasangan bagi mendapatkan gambaran yang lebih meluas dan menyeluruh mengenai isu ini.

Rujukan

- Bigley, G. A. and Pearce, J. L. (1998) Straining for shared meaning in organization science: Problems of trust and distrust. *Academy of Management Review*, 23, 405-421.
- Birney, L. L., & Smith, P. A. (2005). The organizational trust of elementary schools and dimensions of student bullying. *International Journal of Educational Management*, 19(6), 469-485.

- Boszormenyi-Nagy, I., & Krasner, B. R. (1986). *Between give and take: A clinical guide to contextual therapy*. NY: Brunner/Mazel
- Bowlby, J. (1969). *Attachment and loss: Vol. 1. Attachment*. New York: Basic Book.
- Campbell, L., Simpson, J. A., Boldry, J. G., & Rubin, H. (2010). Trust, variability in relationship evaluations and relationship processes. *Journal of Personality and Social Psychology, 99*, 14–31.
- Cobb, N. P., Larson, J. H., & Watson, W. L. (2003). Development of the attitudes about romance and mate selection scale. *Family Relations: Interdisciplinary Journal of Applied Family Studies, 52*, 222-231.
- Creswell, J.W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches (2nd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Cook, K. S. (2001). *Trust in society. Volume 2*. The Russell Sage Foundation
- Deutsch, M. (1973). *The resolution of conflict: Constructive and destructive processes*. New Haven, CT: Yale University Press.
- Erikson, E. H. (Ed.). (1963). *Youth: Change and challenge*. Basic books.
- Frost, T., Stimpson, D. V., & Maughan, M. C. (1978). Some correlates of trust. *Journal of Psychology, 99*(1), 103.
- Fukuyama, F. (1996). *Trust: The social virtues and the creation*. Free Press.
- Holmes, J. G. (1991). Trust and the appraisal process in close relationships. In W. H. Jones, & D. Perlman (Eds), *Advances in personal relationships: A Research Annual* Vol. 2 (pp. 57-104). London: Jessica Kingsley Publishers.
- Holmes, J. G., & Rempel, J. K. (1989). Trust in close relationships. In C. Hendrick (Ed.), *Review of personality and social psychology: Close relationships* (Vol. 10, pp. 187–220). Newbury Park, CA: Sage.
- Hosmer, T. (1995). *Trust: The connecting link between organizational theory and philosophical ethics*. The Academy of Management.
- Johnson, S.M., & Talitman, E. (1997). Predictors of success in emotionally focused marital therapy. *Journal of Marital Family Therapy, 23*(2):135-52.
- Keyton, J., & Smith, F. L. (2009). Distrust in leaders: Dimensions, patterns, and emotional intensity. *Journal of Leadership & Organizational Studies, 16*(1), 6-18.
- Larzelere, R. E., & Huston, T. L. (1980). The dyadic trust scale: Toward understanding interpersonal trust in close relationship. *Journal of marriage and the family, 42*, 595-604.
- Lewicki, R. J., & Bunker, B. B. (1995). *Trust in relationships: A model of development and decline*. In J. Z. Rubin (Ed.) *Conflict, cooperation, and justice: Essays inspired by the work of Morton Deutsch*. San Francisco: Jossey-Bass.
- McKnight, D. H., Cummings, L. L., & Chervany, N. L. (1998). Initial trust formation in new organizational relationships. *Academy of Management Review, 23* (3), 473-490.
- Murray, S. L., Pinkus, R. T., Holmes, J. G., Harris, B., Gomillion, S., Aloni, M., et al. (2011). Signaling when (and when not) to be cautious and self-protective: Impulsive and reflective trust in close relationships. *Journal of Personality and Social Psychology, 101*(3), 485-502.
- Rempel, J. K., Holmes, J. G., & Zanna, M. P. (1985). Trust in close relationships. *Journal of Personality & Social Psychology, 49*: 95-112.
- Rempel, J. K., Ross, M., & Holmes, J. G. (2001). Trust and communicated attributions in close relationships. *Journal of Personality and Social Psychology, 81*, 57-64.
- Rotter, J. B. (1967). A new scale for the measurement of interpersonal trust. *Journal of Personality, 35*, 651-665.

- Rousseau, D. M., Sitkin, S. B., Burt, R. S., & Camerer, C. (1998). Not so different after all: A cross-discipline view of trust. *Academy of Management Review*, *23* (3), 393-404.
- Rusbult, Caryl E., Wieselquist, Jennifer, Foster, Craig A., Agnew, Christopher R. (1999). Commitment, pro-relationship behavior, and trust in close relationships. *Journal of Personality and Social Psychology* *77*(5), 942-966.
- Shallcross, Sandra L., & Simpson, Jeffrey A. (2012). Trust and responsiveness in strain-test situations: A dyadic perspective. *Journal of Personality and Social Psychology* *102*(5), 1031-1044.
- Simpson, J. A. (2007). Psychological foundations of trust. *Current directions in psychological science*, *16*, 264 –268.
- Smith, J. A., Flowers, P., Larkin, M. (2010). *Interpretative Phenomenological Analysis: Theory, Method and Research*. Boston, MA: Sage.
- Tooby, J. & Cosmides, L. (1996). Are humans good intuitive statisticians after all? Rethinking some conclusions of the literature on judgment under uncertainty. *Cognition*. *58*: 1-73
- Wieselquist, J., Rusbult, C. E., Foster, C. A., & Agnew, C. R. (1999). Commitment, pro-relationship behavior, and trust in close relationships. *Journal of Personality and Social Psychology*, *77*, 942-966.
- Worchel, P. (1979). Trust and distrust. In W. G. Austin & S. Worchel (Eds.), *The social psychology of intergrouprelations*. Belmont, CA: Wadsworth.